

Festival Jazz Kota Kinabalu 2009 19-20 Jun



Hayatilah keasyikan irama daripada pemuzik-pemuzik jazz hebat dari seluruh dunia! Festival Jazz KK tahun ini berlangsung di Tennis Arena, Sutera Marina Club dari 6:30 petang hingga 11:00 malam. Dengarlah gaya muzik Double Take yang berasal dari Sabah, menampilkan Roger Wang dan Mia Palencia, kumpulan vokal harmoni Malaysia Six2Eight, Junk Unit dari Hong Kong, Nah Youn Sun dari Korea, Son2nos yang berpangkalan di UK, Rimba, SIA Jazz Syndicate dan Jonathan Tse. Peminat muzik juga berpeluang untuk jam bersama-sama pemuzik pada 7 dan 14 Jun dari pukul 3 hingga 5 petang di Sutera Harbour Resort. Tiket-tiket masuk untuk dua hari ini berharga RM50.00 dan RM100.00 dan boleh dibeli di cawangan The Coffee Bean & Tea Leaf di sekitar Kota Kinabalu.

Acara ini dianjurkan oleh Kelab Rotary Kota Kinabalu (RCKK) dengan sokongan Kesatuan Persembahan Seni Kota Kinabalu Sabah (SPArKS). Untuk maklumat lanjut, hubungi penganjur di talian 088 230245 atau e-mel sparksmalaysia@gmail.com

Tempat-tempat Menarik

Menara Tinjau Signal Hill



Tiada apa yang dapat mengatasi pemandangan dari puncak dan untuk membuktikannya, pergilah ke Menara Tinjau Signal Hill di Kota Kinabalu. Tempat terkenal itu baru-baru ini membuka semula pintunya semula kepada orang ramai, menawarkan pemandangan Bandaraya Kota Kinabalu menerusi pandangan dari udara. Dengan sudut yang strategik, pengunjung boleh melihat pemandangan bangunan-bangunan utama di bandar ini, lot kedai malah pesisir pantainya yang menakjubkan. Saksikan kesibukan bandar ini dan pada sebelah petang, nikmatilah pemandangan romantik matahari terbenam dan angin sepoi-sepoi yang nyaman. Menara ini juga dilengkapi dengan tandas awam dan pagar yang tinggi untuk tujuan keselamatan. Pintunya dibuka antara pukul 8:00 pagi hingga 12:00 tengah malam setiap hari dan masuk adalah percuma.

Bagaimana untuk ke sana: Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan kenderaan persendirian atau pergi dengan teksi. Menara ini terletak lebih kurang lima minit memandu dari pusat bandar.

Kampung Nelayan
Fisherman Village
Floating Seafood Market Restaurant

Live Cultural Dance Performance from 7:45pm - 9pm nightly.

Where Every Meal Is An Experience

Tel : 088-231003, 231005

Major Credit Card acceptable, taxi on call service & etc

Taman Tun Fuad, Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah.
Website: www.kampungnelayan.com
Email: silverr@streamyx.com (10 Minutes From City Centre)



Mari Makan

Ikan Bakar Pasar Sim Sim

Apabila berada di Sandakan, carilah jalan untuk ke Pasar Sim Sim yang terkenal itu. Daripada pandangan pertama, pasar itu dilihat seperti pasar biasa tetapi tarikan utama Pasar Sim-Sim ialah gerai-gerai Ikan Bakar. Penduduk tempatan berkumpul di sini ketika makan tengah hari dan makan malam untuk menikmati ikan bakar yang diakui terbaik di bahagian ini di Sabah. Menurut penduduk Sandakan, Pasar Sim Sim bermula sebagai pasar biasa yang menjual hasil ikan segar dan seumpamanya; sehinggalah pada tahun 2004, pasar ini mula menjadi terkenal kerana gerai-gerai ikan bakarnya. 'Mak Cik-mak cik' dan penolong mereka yang peramah dengan bangga menunjukkan pelbagai jenis ikan segar termasuklah antaranya kerapu, ikan bahulu, ikan belais, ikan merah dan ikan putih. Ramai pengunjung dari Pantai Barat (terutamanya Kota Kinabalu) turut mendakwa perjalanan ke Sandakan tidak sah tanpa menikmati ikan bakarnya!

Ikan bakar paling sesuai dihidangkan bersama-sama nasi dan sambal belacan – sambal ini mungkin agak pedas jadi berhati-hatilah dengan belacan! Ada juga beberapa hidangan sampingan yang sesuai dimakan dengan ikan bakar, daripada sayur-sayuran tempatan sehinggalah jeruk. Cubalah rasai semuanya! Pasar ini dibuka setiap hari dari 10:00 pagi sehingga 10:00 malam. Pasar ini terletak di Jalan Buli Sim-Sim, Sandakan.